



---

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
BIL. 8/2020**

---

**GARIS PANDUAN BAGI PROSES PEWARTAAN PEMBATALAN  
PERIZABAN TANAH DIBAWAH SEKSYEN 64 KANUN TANAH  
NEGARA DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**© Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan 2020**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk Dokumen	Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Bil. 8/2020
Disediakan oleh	Unit Perundangan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
Alamat	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Aras G-6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur
Telefon	03 -2610 3300
Faks	03 – 2610 3499
E-mel	<a href="mailto:tanahwila@ptgwp.gov.my">tanahwila@ptgwp.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terhad
Tarikh kuasa	Tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

## **1. Tujuan**

Tujuan Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menetapkan garis panduan bagi pelaksanaan proses pewartaan pembatalan perizaban dibawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara. Perkara ini adalah susulan daripada pandangan undang-undang Unit Perundangan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (“PPTGWP”) yang menjelaskan bahawa keperluan untuk mewartakan pembatalan hanyalah mandatori kepada pewartaan cadangan pembatalan (*proposal*) sahaja.

## **2. Latar Belakang**

- 2.1 Proses pembatalan perizaban merangkumi cadangan pembatalan perizaban seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara dan pembatalan perizaban itu sendiri.
- 2.2 Buat masa ini pelaksanaan proses pewartaan bagi pembatalan perizaban tanah di Wilayah Persekutuan adalah melalui dua proses pewartaan iaitu pewartaan Notis Cadangan Pembatalan Perizaban dan pewartaan Notis Pembatalan Perizaban yang mana kedua-dua draf notis tersebut perlu disemak dan diluluskan oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara sebelum dikemukakan untuk ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (“JKTWP”). Notis yang telah ditandatangani akan dikemukakan semula kepada Bahagian Gubalan untuk penyiaran di dalam Warta Persekutuan sebagai P.U.(B).
- 2.3 Berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara, Unit Perundangan PPTGWP berpandangan bahawa keperluan untuk mewartaan notis hanyalah mandatori kepada Notis Cadangan Pembatalan Perizaban sahaja dan tiada

keperluan perundangan supaya Notis Pembatalan Perizaban diwartakan didalam Warta Kerajaan sebagai P.U.(B).

- 2.4 Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara juga bersetuju dengan pandangan undang-undang tersebut bahawa tiada keperluan undang-undang bagi menyiaran Notis Pembatalan Perizaban dalam Warta Persekutuan. Walaubagaimanapun, Bahagian Gubalan berpandangan memandangkan penyiaran dalam Warta ini telah menjadi suatu amalan yang mantap, Bahagian Gubalan berpandangan bahawa penyiaran Notis Pembatalan Perizaban dalam Warta boleh diteruskan dalam bentuk Pemberitahuan Umum (*General Notification*).
- 2.5 Penetapan garis panduan ini dikeluarkan bagi memperjelas proses pewartaan pembatalan perizaban yang baru selaras dengan perkara yang telah dipersetujui oleh Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara.

### **3. Garis Panduan**

- 3.1 Proses Pewartaan Pembatalan Perizaban yang baru adalah seperti berikut:

#### **Proses Pewartaan Notis Pembatalan Perizaban**

- (i) Draf Notis Pembatalan Perizaban yang dikemukakan oleh Bahagian Teknikal akan disemak dan diluluskan oleh Pegawai Undang-Undang PPTGWP;
- (ii) Draf Notis yang telah disemak dan diluluskan akan dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk ditandatangani.


- (iii) Notis Pembatalan Perizaban yang telah ditandatangani akan dihantar ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) untuk disiarkan sebagai Pemberitahuan Warta (*Gazzete Notification*).

#### **4. Tarikh Kuatkuasa**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

#### **5. Pemakaian**

Pekeliling ini terpakai kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

  
**DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD**  
**Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan**

No Fail : PTG/WP.100-2/26

Bertarikh : 18 Jun 2020